

27/10/1999

Malaysia berikrar beri khidmat adil

Fazli Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia memberi jaminan tidak akan berpihak kepada mana-mana puak yang bertelagah di Timor Timur apabila tentera negara mendapat mandat berkhidmat di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di wilayah yang sedang bergolak itu.

Menteri Pertahanan, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha, berkata tentera Malaysia yang sudah berpengalaman lebih 30 tahun dalam misi pengaman di peringkat antarabangsa, akan berkhidmat secara adil dan profesional.

Sehubungan itu, beliau berharap pemimpin negara luar tidak khuatir terhadap perkhidmatan pasukan Malaysia, khususnya jika terpilih mengetuai pasukan pengaman di Timor Timur.

"Saya memberi jaminan kepada pemimpin luar bahawa Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dari segi rekod pembabitkan sebagai pasukan pengaman sudah terbukti tidak berpihak kepada mana-mana puak bertelagah.

"Pasukan kita tidak akan memihak... pasukan kita sangat profesional," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat panglima angkatan tentera negara anggota Peraturan Pertahanan Lima Negara (FPDA) di Wisma Pertahanan di sini, hari ini.

Mereka ialah Panglima ATM, Jen Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin; Panglima Tentera Australia, Laksamana C A Barrie; Panglima Tentera New Zealand, Marshal Udara C W Adamson; Ketua Staf Pertahanan United Kingdom, Jen Sir Charles Guthrie dan Panglima Tentera Singapura, Lt Jen Bey Soo Khiang.

Pemimpin tertinggi tentera anggota FPDA itu berada di sini sempena persidangan keenam FPDA selama dua hari, bermula hari ini.

Malaysia mungkin menghantar antara 1,500 hingga 1,700 anggota tentera menyertai misi di bawah Pasukan Pentadbiran Peralihan Timor Timur Bangsa-Bangsa Bersatu (Untaet) bagi mengembalikan keamanan di wilayah itu.

Semalam, PBB meluluskan keanggotaan hampir 11,000 anggota tentera untuk menyertai Untaet.

Menjawab soalan, Abang Abu Bakar berkata, Malaysia sedia mengetuai pasukan pengaman ke wilayah itu sekiranya ditawarkan oleh PBB.

Bagaimanapun, katanya, sehingga kini PBB belum memaklumkan jumlah tentera Malaysia yang diperlukan.

"Jika dihendaki oleh PBB, kita bukan saja sedia menghantar tentera, malah sanggup mengetuai pasukan pengaman PBB di Timor Timur. Bagaimanapun, sehingga kini kita masih menunggu keputusan PBB," katanya.

Baru-baru ini, ketika di New York, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, negara Asean patut mengambil alih operasi pengaman di Timor Timur dari Australia yang dilihat agak keras mengendalikan situasi di wilayah berkenaan.

Abu Bakar berkata, beliau juga dimaklumkan oleh Barrie bahawa Australia akan mengundurkan sebahagian daripada tenteranya di Timor Timur apabila pasukan Untaet mula bertugas di wilayah berkenaan.

Interfet yang disertai 14 negara membabitkan kekuatan kira-kira 7,500 anggota, termasuk 4,500 tentera Australia. Pasukan Malaysia (Maltim) dianggotai 30 anggota tentera dalam Interfet.

"Panglima Tentera Australia ada menyatakan sebahagian tenteranya di Timor Timur akan diundurkan bila Untaet mengambil alih peranan Australia di wilayah itu, tetapi jumlahnya tidak dinyatakan," katanya.

Terdahulu, dalam pertemuan itu, Abang Abu Bakar mengakui kepentingan dan peranan FPDA terhadap ATM, khususnya dalam membantu membentuk satu pasukan yang profesional.

Katanya, pada perbincangan hari ini, Singapura turut mengakui FPDA yang kini berusia 28 tahun, berjaya meningkatkan tahap profesionalisme pasukan tentera negara itu.

"FPDA berjaya meningkatkan tahap profesionalisme anggota tentera kita melalui latihan bersama," katanya.

(END)